

Fenomena *selfie*: Berfaedah atau bawa padah?

Oleh **FATHIAH MD. HATA**

ISTILAH *selfie* kini menjadi semakin popular dalam kalangan mereka yang gemar mengambil gambar sendiri dan dikongsi di laman-laman sosial untuk tatapan dan komen oleh rakan-rakan alam maya.

Apa itu *selfie*? *Selfie* adalah perbuatan menangkap gambar sendiri menggunakan telefon bimbit atau *webcam* atau apa jua alat elektronik yang mempunyai kamera dan kemudiannya dimuat naik ke laman-laman sosial individu tersebut seperti *instagram*, *facebook*, *wechat* dan sebagainya. Pada asalnya, ia dikenali sebagai *self-portrait* di dalam bahasa Inggeris dan kemudiannya disingkatkan menjadi *selfie*.

Sejarah *selfie* ini dikatakan bermula sejak 1920 yang mana gambar *selfie* pertama diambil oleh Joe Byron di atas bumbung sebuah bangunan di New York. Kemudiannya gambar *selfie* tersebut ditayangkan di Muzium Bandaraya New York untuk dijadikan tatapan orang ramai.

Kini *selfie* telah menjadi suatu fenomena yang kian popular di seluruh dunia


terutamanya bagi mereka yang suka menangkap gambar sendiri. Malah fenomena ini tidak mengira usia baik golongan remaja mahupun golongan dewasa.

Jika seseorang itu menangkap gambar sendiri untuk tatapan diri sahaja dan tidak dimuat naik di mana-mana laman sosial, maka ia bukanlah diistilahkan sebagai *selfie*. Melainkan individu tersebut memuat naik gambar yang diambil ke dalam laman-laman sosial untuk dipertontonkan oleh rakan-rakan alam maya.

Persoalannya adakah perbuatan *selfie* ini mendatangkan faedah atau membawa padah kepada seseorang?

Pada 3 Mac lepas, berlaku kejadian dua gadis mati lemas ketika mandi di Sungai Lebir Manik Urai Lama, Kuala Krai. Insiden itu berlaku gara-gara kedua-duanya asyik merakam gambar *selfie* bersama-sama. Menurut kenyataan rakan mangsa, mereka dikatakan bergambar menggunakan telefon bimbit sebelum tergelincir dan dihanyutkan arus sungai.

Di London pula, seorang remaja lelaki, Danny Bowman, 19, yang terlalu taksu *selfie* menghabiskan masa 10 jam sehari



DANNY Bowman, 19, dilaporkan menghabiskan masa selama 10 jam menangkap gambar selfie sebanyak 200 kali menggunakan telefon bimbitnya setiap hari kerana ketagihan.

- AGENSI

untuk mengambil hampir 200 keping gambar dirinya menggunakan telefon pintar. Dia juga sanggup berhenti sekolah, tidak keluar rumah selama enam bulan dan menurunkan berat badannya sehingga 12 kilogram semata-mata untuk menjadikan dirinya kelihatan sempurna apabila bergambar.

Selain itu, ada juga segelintir masyarakat yang bergambar *selfie* tidak kena pada tempatnya. Contohnya merakamkan aksi *selfie* ketika dikejar kerbau di Texas. Golongan ini tidak mementingkan keselamatan asalkan dapat *selfie* walaupun perlu berhadapan dengan situasi ekstrem yang boleh membahayakan diri sendiri.

Pakar Perunding Psikiatri dan Psikologi, Dr. Wan Mohd. Rushidi Wan Mahmud berpendapat *selfie* mungkin menunjukkan ciri-ciri *narcissistic* (suka diri sendiri) yang ada pada diri seseorang.

Dalam erti kata lain, mereka ingin menonjolkan keistimewaan yang dimiliki yang kadangkala tidak terserlah di mata orang lain jika tidak ditonjolkan secara begitu.

Katanya lagi, orang yang mempunyai kecelaruan personaliti mempunyai sifat-sifat yang perlukan pujian dan sanjungan berterusan daripada orang lain dan menyimpan kepercayaan bahawa mereka ialah seorang yang istimewa dan berhak mendapat tempat di hati masyarakat.

Namun, jika dilihat di negara barat kini terdapat trend terbaharu lebih ekstrem

iaitu '*sellofies*' yang mana seseorang itu mengambil gambar sambil memakai *sello-tape* di seluruh muka kemudian memuat naik di laman-laman sosial untuk tatapan orang ramai. Individu yang mengikut trend ini sanggup bersusah-payah membalut wajah mereka dengan *sello-tape* sehinggakan wajah kelihatan hodoh semata-mata untuk dijadikan bahan ketawa dan nampak melucukan di mata orang ramai.

Inilah natijah apabila dunia semakin maju, alat elektronik semakin canggih, malah pemikiran manusia semakin jauh ke hadapan yang kadangkala melebihi batas pemikiran seseorang itu.

Sudah menjadi lumrah manusia yang sentiasa ingin mencetuskan suatu inovasi yang boleh diaplikasikan dan menjadi ikutan ramai dalam kehidupan seharian seperti trend *selfie* ini. Namun seseorang itu perlulah bijak berfikir apabila ingin mengikut trend terbaru yang diperkenalkan sama ada ianya mendatangkan faedah atau membawa padah kepadanya.

PENULIS ialah penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)